

# Wakaf pendidikan tinggi diperluas

**Kementerian Pendidikan Tinggi** akan memperluaskan pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi yang berpotensi besar menjadi sumber ekonomi menjana pendapatan universiti.

Menterinya, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata aktiviti wakaf itu hanya akan dilaksanakan dengan kebenaran Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).

Sehubungan itu, beliau berkata, satu jawatankuasa sudah ditubuhkan tahun ini untuk memberi penerangan dan kefahaman kepada universiti awam (UA) mengenai pelaksanaannya.

"Malah, Diskusi Meja Bulat Wakaf Pendidikan Tinggi bersama MAIN dan UA diadakan pada 11 April lalu untuk mencari kata sepakat mengenai model pelaksanaannya di IPT," katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz (PAS-Pasir Mas) yang ingin tahu status wakaf pendidikan tinggi dan langkah untuk memperkasakannya bagi mengurangkan beban rakyat.

Idris berkata, pada masa ini, empat UA sudah memulakan aktiviti wakaf di universiti masing-masing iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

"Sebagai sokongan kepada UA, kementerian sedang menghasilkan buku khas yang memberi panduan dan cadangan serta struktur urus tadbir bagi pelaksanaan wakaf pendidikan tinggi itu," katanya.